

Ambil tindakan ke atas pemilik

SEMENTARA itu, penduduk Pangsapuri Taman Permai Indah, Pandamaran Jaya meminta pihak berkuasa bertindak tegas terhadap pemilik rumah yang menyewakan kediaman kepada warga asing.

Mohd Ishak Abdullah, 49, yang tinggal di situ sejak 17 tahun lalu berkata, pihak berkuasa perlu merampas rumah tersebut kerana melanggar syarat ditetapkan kerajaan.

"Kehadiran warga asing di sini telah memburukkan lagi keadaan dengan masalah sampah, sosial dan sebagainya," katanya.

Penduduk di pangsapuri itu juga berhadapan kes kehilangan motosikal selain sikap segelintir penduduk yang gemar mem-

buang sampah dan botol arak dari kediaman.

Mohd Ishak berkata, tindakan pihak tidak bertanggungjawab itu menyebabkan beberapa cermin kenderaan pecah dan nyaris terkena penduduk yang melalui kawasan parkir.

Dalam pada itu, Hamid Ismail, 54, berharap pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) lebih bertanggungjawab dengan memastikan bayaran penyenggaraan RM38 sebulan yang dibayar penduduk setimpal dengan kemudahan yang diperoleh.

"Ramai penduduk tak nak bayar disebabkan ia tidak setimpal dengan apa yang penduduk mahukan," katanya.

Ganti lapan lif rosak

CCTV dan kad akses juga akan dipasang

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan RM4.2 juta bagi menggantikan lapan lif yang rosak di empat blok di Pangsapuri Taman Permai Indah, Pandamaran Jaya, di sini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, kemudahan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan kad akses juga akan dipasang di setiap lif bagi memastikan penggunaan



Noh melihat lif yang rosak ketika membuat lawatan ke Rumah Pangsa Permai Indah Pandamaran Jaya, semalam. - Foto Bernama

lif dalam keadaan yang baik.

"Saya dimaklumkan, lif di sini sudah lama tidak berfungsi dan berada dalam keadaan yang sangat daif.

"Ramai penduduk di sini mengadu kepada saya

mereka terpaksa berulang alik naik turun sehingga kaki mereka sakit," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas melawat pangsapuri berkenaan, semalam.

Noh juga turut

mengumumkan peruntukan RM800,000 dan RM100,000 bagi pembinaan pagar dan surau di pangsapuri ini.

"Saya dapati tidak terdapat sebarang pagar yang memisahkan pangsapuri ini dengan sungai yang terletak bersebelahan blok D ini.

"Atas faktor keselamatan bagi penduduk khususnya anak-anak kecil, kita akan bina pagar di sepanjang blok D demi memastikan keselamatan penduduk di sini terjamin," katanya.

Kementerian juga akan memasang perangkap nyamuk jenis solar di kawasan pangsapuri ini sebagai langkah pencegahan wabak denggi yang agak membimbangkan di kawasan ini.

"Sebenarnya kita sudah peruntukkan RM10 juta bagi tujuan pemasangan peralatan itu di seluruh negara," katanya.